

289 graduan UNISSA terima ijazah, diploma



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan mengurniakan ijazah kepada para graduan UNISSA pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-9 UNISSA, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Oleh : Marlinawaty Hussin
 Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
 Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Khamis, 29 Ogos. - Seramai 289 graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima ijazah dan diploma dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-9 UNISSA, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Berangkat mengurniakan ijazah dan diploma berkenaan ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro

Canselor UNISSA. Keberangkatan Kebawah DYMM dijunjung oleh Menteri

Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman selaku Pengerusi Majlis UNISSA dan Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal. Sejurus keberangkatan tiba, selawat dan qasidah (dikir) 'Ahlan Bikum Sultanana'

berkumandang mengiringi perarakan masuk Kebawah DYMM dan DYT ke Dewan Plenary, diikuti dengan Lagu Kebangsaan Sistem Keadilan Jenayah Syariah, Awang Abdul Muin bin Haji Abdul Hamid. Hafl Al-Takharruj diimarahkan dengan bacaan ayat-ayat suci

Al-Quran Surah Ali Imran, ayat 102 hingga 104 yang dibacakan oleh graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan Sistem Keadilan Jenayah Syariah, Awang Abdul Muin bin Haji Abdul Hamid.

Ke muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UNISSA berkenan berangkat ke Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-9 UNISSA.



PARA graduan pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-9 UNISSA (kiri). Sementara gambar kanan, para graduan tunduk hormat ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebaik saja baginda sempurna melafazkan titah kuasa canselor bagi pengurniakan Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma.

GRADUAN Diploma Tertinggi Kebangsaan Sistem Keadilan Jenayah Syariah, Awang Abdul Muin bin Haji Abdul Hamid (tengah) mengimarahkan Hafl Al-Takharruj dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran Surah Ali Imran, ayat 102 hingga 104. Manakala bacaan Al-Hadis, disampaikan graduan Sarjana Muda Syariah (Fiqh & Kehakiman), Awang Ahmad Khairulnizam @ Muhammad Hidayatil Wafi (kiri). Sementara bacaan inti sari ayat Al-Quran berserta Al-Hadis dibacakan graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan Sistem Keadilan Jenayah Syariah, Sheikh Ahmad Wa'ez bin Haji Sheikh Aubid (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada salah seorang wakil dari institusi pengajian tinggi luar negara yang hadir pada Majlis Hafli Al-Takharruj Ke-9 UNISSA tersebut.

Dari muka 4

Manakala bacaan Al-Hadis, disampaikan graduan Sarjana Muda Syariah (Fiqh & Kehakiman), Awang Ahmad Khairulnizam @ Muhammad Hidayatil Wafi.

Sementara itu, bacaan inti sari ayat Al-Quran berserta Al-Hadis dibacakan graduan Diploma

Tertinggi Kebangsaan Sistem Keadilan Jenayah Syariah, Sheikh Ahmad Wa'ez bin Haji Sheikh Aubid.

Antara inti sari ayat-ayat Al-Quran dinyatakan bahawa kita diperintahkan agar terus meningkatkan ketaqwaan, iaitu dengan memelihara hubungan baik juga memelihara diri agar jangan sampai terjerumus kepada

perbuatan yang tidak diredai-Nya.

Inti sari Al-Hadis pula, antara lain menekankan betapa pentingnya persaudaraan sesama umat Islam, kesatuan, saling menyayangi, saling kuat menguatkan dan prihatin di antara satu dengan yang lain.

Pada majlis tersebut, Kebawah

Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah, seterusnya menyempurnakan pengurniaan ijazah dan diploma kepada para graduan.

Sementara itu, Rektor UNISSA juga menyerahkan sembah alu-aluan dan kemudian memaklumkan penerima Pingat dan Hadiah Buku Universiti juga para

penyumbang sempena Hafli Al-Takharruj Ke-9 ini.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Ke muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berswafoto dan bergambar ramai bersama para graduan daripada pelbagai bidang jurusan, sejurus Majlis Hafli Al-Takharruj Ke-9 UNISSA berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kiri dan kanan).



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned membacakan Doa Selamat bagi memberkati majlis (kiri). Sementara gambar tengah, antara para graduan diploma UNISSA tunduk hormat ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebaik saja baginda sempurna melafazkan titah kuasa cancelor. Manakala gambar kanan, antara keluarga yang berkongsi kegembiraan dan kejayaan para graduan UNISSA.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA dan DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Pro Canselor UNISSA berkenan bergambar ramai.

Dari muka 5

Hafli Al-Takharrij tahun ini menyaksikan tiga graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 20 graduan Ijazah Sarjana, enam Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syarie, dua penerima Diploma Lepas Ijazah, 174 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda

dan 84 graduan menerima Ijazah Diploma Tertinggi Kebangsaan Sistem Keadilan Jenayah Syariah. Hafli Takharrij Ke-9 tahun ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran wakil-wakil daripada 24 buah institusi pengajian tinggi luar negara daripada Thailand, Filipina, Singapura, Timor Laste, Malaysia dan

Indonesia. UNISSA sebagai sebuah universiti Islam antarabangsa di negara ini dianugerahkan Standardisasi untuk Organisasi Antarabangsa (ISO) 9001 : 2015. Universiti berkenaan mempunyai rakan strategik dengan universiti dan Institusi Pengajian Tinggi antarabangsa

melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) berjumlah 163 buah. Ia juga menjadi ahli Pertubuhan Antarabangsa antaranya Islamic Universities League (IUL) 2016, Asian Islamic Universities Association (AIUA) 2016 dan Union of

AFRO - ASIA Universities. Kemajuan universiti ini diharap akan semakin meningkat setelah tertubuhnya kampus kekal UNISSA bertapak di Mukim Labu, Temburong nanti, sekali gus melonjakkan lagi reputasi dan merealisasikan harapan negara untuk melihatnya sebagai hab pengajian tinggi Islam di rantau ini.



IBU Bapa mana yang tidak gembira dengan kejayaan anak-anak dalam akademik setelah berpenat lelah mengharungi pengajian di UNISSA (kiri). Sementara gambar kanan, bangga dengan pencapaian ahli keluarga dan sahabat yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing dalam Ijazah Sarjana Muda pada Majlis Hafli Al-Takharrij Ke-9 UNISSA.



PARA graduan UNISSA bangga dengan pencapaian masing-masing dalam akademik (kiri). Sementara gambar tengah, para mahasiswa UNISSA ketika membuat persembahan qasidah bagi menyirikan majlis. Manakala gambar kanan, seorang graduan berkongsi kegembiraan dan kejayaan bersama keluarga yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan sehingga berjaya menggenggam segolong ijazah pada Majlis Hafli Al-Takharrij Ke-9 UNISSA.